

# LATIHAN DAN PERTANDINGAN MENEMBAK



[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4277-latihan-dan-pertandingan-menembak](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4277-latihan-dan-pertandingan-menembak)





SHAH ALAM, 20 Dis 18 -Markas Tentera Udara - Bahagian Sumber Manusia telah melaksanakan Latihan dan Pertandingan Menembak Pistol 9mm bermula pada 19-20 Dis 18 bertempat di Lapang Sasar Pistol, Markas PALAPES UiTM Shah Alam.

Latihan dan pertandingan ini telah disertai oleh 28 pegawai dan 60 anggota LLP berpangkat Sjn keatas. Latihan dimulakan dengan tembakan pelarasan dan diikuti dengan praktis latihan pada jarak 5m, 10m, 15m dan 20m seterusnya pertandingan menembak jatuh piring pada jarak 25m.

Cawang Pembangunan telah dinobatkan sebagai Juara Keseluruhan bagi tahun 2018 manakala Pertandingan Menembak Jatuh Piring telah dijuarai oleh pasangan Brig Jen Dato' Hj Md Fauzi bin Salleh TUDM dan Mej Mohd Fadzil bin Zainudin TUDM manakala penembak terbaik telah diungguli oleh Lt Kol Saiful Nubli bin Abdul Ghani TUDM.